

Baca dan fahami petikan di bawah. Kenal pasti **golongan kata ganda**, kemudian **bina ayat** yang menggunakan kata ganda tersebut.

Warna-warni Masyarakat

AKTIVITI

- Fahami dan kenal pasti golongan kata ganda, kemudian bina ayat yang menggunakan kata ganda tersebut.
- Ceritakan suasana dan pengalaman anda semasa membeli-belah di bandar.

Malaysia kaya dengan masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini dapat dilihat di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur. Jalan TAR menjadi tempat tumpuan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Di sini juga terdapat gedung-gedung dan gerai-gerai pakaian kanak-kanak dan orang dewasa.

Terdapat peniaga India, Melayu, Cina, dan kaum lain yang sibuk menjalankan perniagaan masing-masing di bahu-bahu jalan. Barang-barang yang diniagakan tidak terhad kepada kain-kain,

malahan barang-barang dapur, alat-alat tulis serta alatan sukan. Peniaga bersatu hati dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Suasana ini dapat dilihat pada setiap malam minggu dan musim perayaan.

Pada musim perayaan, suasana di Jalan TAR menjadi lebih meriah dan penuh sesak dengan orang ramai. Kita dapat melihat pengunjung termasuk pelancong-pelancong asing yang sibuk tawar-menawar untuk mendapatkan barang-barang yang diingini. Pada sebelah malam pula, Jalan TAR ini akan kelihatan lebih meriah dengan pancaran cahaya lampu.

Warna-warni masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, hormat-menghormati dan bersatu padu di bawah satu payung yang sama menjadi lambang keharmonian negara kita.

PERKASA ILMU

Kata ganda penuh – menggandakan keseluruhan kata dasar sama ada mengandungi imbuhan ataupun tidak. Contoh: *kereta-kereta, pelari-pelari*.

Kata ganda penuh berimbuhan – menggandakan kata dasar yang telah mengalami pengimbuhan. Contoh: *berkejar-kejar, merayu-rayu*.

Kata ganda majmuk – penggandaan kata majmuk yang melibatkan penggandaan unsur pertama sahaja. Contoh: *alat-alat tulis, kereta-kereta berhias*.

KATA GANDA PENUH

Kata ganda penuh ialah kata yang **digandakan sepenuhnya sama ada dengan imbuhan atau tanpa imbuhan**

Contoh kata ganda penuh	
1. gedung-gedung	5.
2.	6.
3	7.

4.	8.
Pilih 3 kata ganda penuh di atas dan bina ayat sendiri	
1.	
2.	
3.	

KATA GANDA PENUH BERIMBUHAN

Kata ganda penuh berimbuhan ialah kata yang **digandakan** serta diberi **imbuhan**

Contoh kata ganda penuh berimbuhan	
1. ber bagai-bagai	3.
2.	4.
Pilih 3 kata ganda penuh berimbuhan di atas dan bina ayat sendiri	
1.	
2.	
3.	

KATA GANDA MAJMUK

Kata ganda majmuk ialah kata majmuk yang **digandakan**. Contoh **kapal terbang** dan **bandar raya**

Contoh Kata ganda majmuk	
1.	2.

Pilih 2 Kata ganda majmuk di atas dan bina ayat sendiri
1.
2.